



PERATURAN PELAJAR

INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Sektor Hal Ehwal Pelajar & Hubungan Luar
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

EDISI 2011

PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU



Sektor Hal Ehwal Pelajar & Hubungan Luar
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

EDISI 2011

Isi Kandungan

Pengantar	iv
Kata Alu-aluan Rektor	1
Kata Alu-aluan Pengarah Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar	2
Falsafah Pendidikan Guru	3

BAHAGIAN A: TAKRIF DAN PEMAKAIAN

PERKARA 1: Takrif	4
PERKARA 2: Pemakaian, Pindaan dan Tambahan	5

BAHAGIAN B: TATATERTIB

PERKARA 3: Peraturan Am	8
PERKARA 4: Penampilan Diri	11
PERKARA 5: Kad Matrik Pelajar dan Tanda Nama	14
PERKARA 6: Penceramah Luar	14
PERKARA 7: Menghadiri Aktiviti Anjuran Agensi Luar	15
PERKARA 8: Penganjuran Aktiviti oleh Pelajar	15
PERKARA 9: Penggunaan Media Cetak dan Media Elektronik	15
PERKARA 10: Lawatan ke Luar Negara	16
PERKARA 11: Berkahwin Semasa Pengajian	16
PERKARA 12: Mengandung Semasa Pengajian	16
PERKARA 13: Kehadiran Kuliah, Tutorial, Kokurikulum, Program Amalan Profesional (Praktikum), Program Berasaskan Sekolah dan Aktiviti Rasmi IPG	17
PERKARA 14: Pengecualian Kuliah, Tutorial, Kokurikulum dan Aktiviti Rasmi IPG	17
PERKARA 15: Peperiksaan	18
PERKARA 16: Penggunaan Perpustakaan	18

BAHAGIAN C: KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN

PERKARA 17: Peraturan Keluar Masuk Kampus IPG	19
PERKARA 18: Kawalan Keselamatan	19
PERKARA 19: Rawatan Perubatan	19
PERKARA 20: Penggunaan Bangunan, Kawasan dan Peralatan	20
PERKARA 21: Lawatan Pihak Luar	20
PERKARA 22: Lawatan Tetamu	20

BAHAGIAN D : LALU LINTAS

PERKARA 23: Penggunaan Kenderaan IPG	21
PERKARA 24: Tatatertib Lalu Lintas Jalan	21

BAHAGIAN E: PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

PERKARA 25: Peraturan Am Kolej Kediaman	23
PERKARA 26: Permohonan dan Pendaftaran Kolej Kediaman	24
PERKARA 27: Inventori Bilik Kediaman	24
PERKARA 28: Tingkah Laku Pelajar Menetap	25
PERKARA 29: Kawasan Larangan	25
PERKARA 30: Pakaian	25
PERKARA 31: Kemudahan Kolej Kediaman	25
PERKARA 32: Barang-Barang Milik Persendirian	26
PERKARA 33: Aktiviti Kolej Kediaman	26
PERKARA 34: Urusan Bilik Kediaman	27
PERKARA 35: Menerima Tetamu	28
PERKARA 36: Urusan Rawatan Pelajar	28
PERKARA 37: Larangan-Larangan Salah Laku	28
PERKARA 38: Kes-Kes Keselamatan dan Kerosakan	29
PERKARA 39: Keluar Masuk Harian dan Menginap di Luar Kolej Kediaman	29

**BAHAGIAN F: PERATURAN BAGI PELAJAR
YANG TINGGAL DI PREMIS LUAR KOLEJ KEDIAMAN**

PERKARA 40: Peraturan Am	30
PERKARA 41: Tatatertib dan Disiplin	30

BAHAGIAN G: PERATURAN KAFETERIA

PERKARA 42: Etika dan Pakaian Semasa di Kafeteria	31
PERKARA 43: Penggunaan Kafeteria untuk Sesuatu Aktiviti	31

BAHAGIAN H: TINDAKAN TATATERTIB

PERKARA 44: Hukuman	32
PERKARA 45: Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar	33
PERKARA 46: Am	33

PANEL PEMURNI	34
LAMPIRAN A: Kod Pakaian Pelajar	35
LAMPIRAN B: Kod Pakaian Pelajar	36

Pengantar

Buku Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) telah diguna pakai semenjak penubuhan IPG yang dulunya dikenali sebagai maktab perguruan.

Selaras dengan naik taraf maktab perguruan kepada IPG, Sektor HEP dan Hubungan Luar mengambil inisiatis menyemak semula dan membuat penambahbaikan terhadap buku panduan ini dengan mengambil kira keperluan semasa dan dibaca bersama Undang-undang Malaysia, Akta Institut-Institut Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174].

Buku Peraturan Edisi 2011 ini mengandungi beberapa bahagian yang merangkumi peraturan berkaitan tatatertib, akademik, kebijakan dan keselamatan, lalulintas dan kolej kediaman. Selain itu, buku ini juga menjelaskan tindakan tatatertib yang boleh dikenakan sebagai panduan kepada pelajar khususnya.

Panduan dan peraturan yang terkandung dalam buku peraturan ini adalah untuk kegunaan semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di IPG.



Kata Alu-aluan Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar, Institut Pendidikan Guru Malaysia serta ahli jawatankuasa yang telah berjaya merealisasikan penggubalan "Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru". Saya juga mengucapkan tahniah atas inisiatif jawatankuasa menerbitkan buku ini sebagai bahan rujukan kepada para pelajar di Institut Pendidikan Guru.

Buku "Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru" ini adalah sebagai garis panduan kepada para pelajar sepanjang berkursus diinstitut bagi melicinkan pengurusan disiplin pelajar ke arah memartabatkan profesion keguruan. Dalam usaha ke arah pelaksanaan yang berkesedaran ini, saya berharap peraturan berkenaan difahami dan dihayati demi membentuk disiplin, budi pekerti dan akhlak mulia dalam kalangan pelajar kita. Semoga disiplin yang disemai dan dipupuk akan menjadi sebahagian daripada amalan hidup berterusan yang berkesan dan bermanfaat bagi semua pelajar di Institut Pendidikan Guru.

Besarlah harapan saya para pelajar akan patuh kepada semua peraturan yang ditetapkan demi mewujudkan persekitaran yang harmonis dan terkawal serta meningkatkan lagi tahap kecemerlangan pelajar di institut pendidikan guru.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK DR. HAILI BIN DOLHAN
REKTOR
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia



Institut Pendidikan Guru

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.



Institut Pendidikan Guru

Visi

IPG Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru

Misi

IPG melahirkan guru yang kompeten
dan berjiwa pendidik melalui
program pembangunan guru yang dinamik
ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia

BAHAGIAN A: TAKRIF DAN PEMAKAIAN

PERKARA 1: TAKRIF

- 1.1 “Institut” ertinya Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah seksyen 45 Akta Pendidikan 1996.
- 1.2 “Institut Pendidikan Guru (IPG)” ertinya: institut pendidikan guru seperti dalam (Jadual Pertama) Akta Institusi-institusi Pelajaran Tatatertib (1976) [Akta 174].
- 1.3 “Kampus” ertinya kawasan atau kawasan-kawasan, bersama dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya oleh sesuatu IPG.
- 1.4 “Rektor” ertinya seseorang yang dilantik oleh Menteri untuk mengetuai IPG di bawah peruntukan subperaturan 5(1), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-Institut Pendidikan Guru) 2010, [P.U.(A)388/2010].
- 1.5 “Pengarah” ertinya seseorang yang mengetuai sesuatu IPG yang juga dilantik sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Beliau juga ialah Ketua Eksekutif IPG tersebut:
 - 1.5.1 “Pegawai Hal Ehwal Pelajar” ertinya seseorang kakitangan sesuatu institusi yang dinamakan sedemikian oleh Menteri Pelajaran Malaysia di bawah Subseksyen (1) Akta 174; dan
 - 1.5.2 “Ketua Eksekutif” ertinya pengawai atau kakitangan IPG yang bertugas sebagai pegawai eksekutif utama IPG.
- 1.6 “Pelajar” ertinya pelajar berdaftar yang menerima pelajaran, pengajaran atau latihan daripada IPG.
- 1.7 “Tindakan pentadbiran” ertinya hukuman yang dikenakan atas pelajar yang melanggar Peraturan Pelajar IPG yang tidak dibicarakan mengikut Akta 174.
- 1.8 “Kolej kediaman” ertinya “asrama” seperti yang dimaksudkan dalam Kaedah Kedua Bahagian 1 Perkara 2 Akta 174 termasuklah apa-apa kediaman, dengan apa-apa juga nama yang disebut yang disediakan oleh IPG untuk kediaman pelajar.
- 1.9 “Premis luar kolej kediaman” bermaksud mana-mana premis, rumah, bilik atau tempat tinggal yang didiami oleh pelajar berdaftar IPG di luar kolej kediaman.
- 1.10 “Pelajar bukan menetap” ertinya semua pelajar yang tinggal di premis luar kolej kediaman IPG.

- 1.11 "Warden" ertinya pegawai utama yang mengawal selia aktiviti dan kebajikan pelajar sesuatu kolej kediaman dan termasuklah seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihaknya atau untuk membantunya.
- 1.12 "Pihak pengurusan kolej kediaman" ertinya Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Warden, Warden, Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia Asrama Kanan dan Penyelia Asrama atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa.
- 1.13 "Peralatan" ertinya semua jenis alat yang dimiliki oleh IPG di dalam atau di luar kampus IPG.
- 1.14 "Lawatan luar IPG" ertinya lawatan di dalam dan di luar negara selain keperluan memenuhi kursus perguruan anjuran mana-mana Jabatan/Unit, Kumpulan Kuliah, Persatuan, Kelab, Unit Beruniform, atau Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP).
- 1.15 "Pihak luar" ertinya individu atau kumpulan bukan pelajar dan kakitangan IPG.
- 1.16 "Tetamu" ertinya:
 - 1.16.1 Mereka yang datang mengunjungi pelajar di kampus IPG atau kolej kediaman yang terdiri daripada suami atau isteri, ibu bapa, penjaga dan keluarga terdekat termasuk sahabat handai pelajar; dan
 - 1.16.2 Pelajar yang bukan menetap di kolej kediaman IPG.

PERKARA 2: PEMAKAIAN, PINDAAN DAN TAMBAHAN

- 2.1 Peraturan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Akta 174, Perjanjian Pendidikan Guru, Surat Tawaran dan Aku Janji.
- 2.2 Semua pelajar IPG yang tertakluk bawah semua peruntukan dalam peraturan ini ialah mereka yang mengikuti semua jenis kursus di IPG.
 - 2.2.1 Kursus Praperkhidmatan
 - 2.2.1.1 Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP);
 - 2.2.1.2 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP);
 - 2.2.1.3 Kursus Persediaan Kolaborasi Dalam dan Luar Negara;
 - 2.2.1.4 Kursus Kolaborasi Dalam dan Luar Negara;

- 2.2.1.5 Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) Mod Sepenuh Masa, Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) dan Mod Kursus Dalam Cuti (KDC);
 - 2.2.1.6 Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Mod Sepenuh Masa, Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) dan Mod Kursus Dalam Cuti (KDC); dan
 - 2.2.1.7 Kursus-kursus lain yang berkaitan/ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dari semasa ke semasa.
- 2.2.2 Kursus Dalam Perkhidmatan
- 2.2.2.1 Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK);
 - 2.2.2.2 Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu (KDP 14M);
 - 2.2.2.3 Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR);
 - 2.2.2.4 Program Pensiswazahan Guru (PPG); dan
 - 2.2.2.5 Kursus-kursus lain dalam perkhidmatan yang berkaitan/ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dari semasa ke semasa.
- 2.3 Sebarang pindaan dan tambahan kepada peraturan ini yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia/IPG akan diedarkan dalam bentuk surat pekeliling/helai cerai dan hendaklah dianggap sebahagian daripada peraturan ini.
- 2.4 Pelajar juga tertakluk kepada perkara-perkara yang tidak ternyata di dalam peraturan pelajar ini tetapi terdapat dalam:
- 2.4.1 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
 - 2.4.2 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174];
 - 2.4.3 Surat Tawaran mengikuti kursus di IPG;
 - 2.4.4 Buku Panduan Tawaran Kursus di IPG;
 - 2.4.5 Perjanjian Pendidikan Guru;
 - 2.4.6 Buku Panduan Permohonan Kursus di IPG;
 - 2.4.7 Buku Panduan Kurikulum;

- 2.4.8 Buku Panduan Kokurikulum;
- 2.4.9 Buku Panduan Praktikum/Program Amalan Profesionalisme;
- 2.4.10 Buku Panduan Pusat Sumber; dan
- 2.4.11 Undang-Undang Malaysia yang berkaitan.

BAHAGIAN B: TATATERTIB

PERKARA 3: PERATURAN AM

- 3.1 Setiap pelajar yang mengikuti semua jenis kursus di IPG mesti berkelakuan baik semasa berada di dalam dan di luar kampus IPG demi menjaga nama baik IPG, profesionalisme keguruan dan maruah diri.
- 3.2 Setiap pelajar dilarang melakukan perkara-perkara yang berikut:

3.2.1 Buli

Pelajar dilarang terlibat dalam sebarang aktiviti buli, ugut dan mendera.

3.2.2 Dadah, arak dan racun

3.2.2.1 Tiada pelajar boleh:

- (a) memiliki atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jenis dadah, arak atau racun;
- (b) memiliki atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas atau alat untuk digunakan bagi tujuan pengambilan apa-apa jenis dadah, arak atau racun;
- (c) membeli, membekal, mengadakan atau menawarkan apa-apa jenis dadah, arak atau racun kepada mana-mana pihak;
- (d) makan atau minum atau menghisap atau menyedut atau menghidu atau memasukkan ke dalam badannya apa-apa jenis dadah, arak atau racun dengan cara suntikan atau apa-apa cara lain; dan
- (e) minum atau ada dalam miliknya atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman yang memabukkan.

3.2.3 Memudaratkan Diri

Pelajar dilarang melakukan apa-apa perbuatan yang boleh memudaratkan diri.

3.2.4 Merokok

3.2.4.1 Peraturan ini adalah mengikut "Peraturan-Peraturan

Kawalan Hasil Tembakau 2004”, [P.U.(A) 324/2004];

- 3.2.4.2 Bawah peraturan tersebut, premis IPG adalah Zon Larangan Merokok;
- 3.2.4.3 Pelajar dilarang merokok, menjual, mengedarkan atau membeli rokok di kawasan kampus IPG; dan
- 3.2.4.4 Larangan merokok adalah terpakai untuk semua aktiviti rasmi termasuk di luar IPG.

3.2.5 Penggunaan Telefon Bimbit

- 3.2.5.1 Pelajar dilarang daripada mengaktifkan dan menggunakan telefon selular/bimbit semasa kuliah dan aktiviti rasmi IPG; dan
- 3.2.5.2 Pelajar dilarang menggunakan telefon selular/bimbit secara salah yang boleh menjatuhkan maruah serta memudaratkan diri dan orang lain.

3.2.6 Menjadi Ahli Pertubuhan

Pelajar sesuatu IPG boleh menjadi ahli mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang kecuali mana-mana parti politik, pertubuhan, badan, kumpulan orang yang ditegah dalam Seksyen 10(1) dan (2), Akta 174.

3.2.7 Mencuri

Pelajar dilarang mengambil, mengalih dan menyimpan sesuatu benda atau harta yang bukan miliknya.

3.2.8 Bekerja

Pelajar dilarang bermula dan membuat pekerjaan tetap atau sambilan sepanjang tempoh pengajian kecuali dengan kebenaran Pengarah.

3.2.9 Berjudi

Pelajar dilarang terlibat dalam apa-apa juga bentuk perjudian di dalam atau di luar kampus.

3.2.10 Perlakuan Sumbang

- 3.2.10.1** Pada sebarang keadaan atau tempat di dalam atau di luar kampus IPG, pelajar dilarang berkelakuan kurang sopan antara lelaki dengan perempuan atau antara sesama jantina, yang boleh menimbulkan anggapan kurang sopan pada nilai moral dan/atau bertentangan dengan agama;
- 3.2.10.2** Pelajar dilarang berkelakuan atau menampilkan imej yang bertentangan jantina; dan
- 3.2.10.3** Pelajar dilarang mengandung atau melahirkan anak bukan daripada ikatan perkahwinan yang sah.

3.2.11 Menganjur Perhimpunan

Pelajar dilarang menganjur, menyertai atau terlibat dalam apa-apa bentuk perhimpunan/perarakan kecuali dengan kebenaran Pengarah.

3.2.12 Pemulauan Aktiviti

Pelajar dilarang menganjur, menyertai, menghasut atau terlibat dalam apa-apa pemulauan aktiviti rasmi IPG.

3.2.13 Pernyataan awam

- 3.2.13.1** Pelajar dibenarkan membuat pernyataan mengenai perkara akademik yang terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya.
- 3.2.13.2** Pelajar dilarang membuat apa-apa pernyataan/ulasan awam kepada mana-mana pihak dengan apa-apa juga cara tanpa kebenaran Pengarah; dan
- 3.2.13.3** Pelajar dilarang memberi maklumat atau kenyataan secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara berkaitan dengan IPG, kakitangan atau pelajar kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran Pengarah.

3.2.14 Senjata

Pelajar dilarang membawa, memiliki, menyimpan dan menggunakan sebarang bentuk senjata berbahaya di dalam dan di luar kampus IPG.

3.2.15 Aktiviti/Pertandingan

Pelajar dilarang menyertai atau mengambil bahagian dalam sebarang bentuk aktiviti/pertandingan yang dianjurkan oleh agensi luar kecuali dengan kebenaran Pengarah.

3.2.16 Ingkar perintah

Pelajar tidak boleh mengingkari atau melanggar mana-mana arahan atau perintah Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa.

3.2.17 Menghalang pelaksanaan tugas

Pelajar tidak boleh menghalang, merintang, mengganggu atau menahan seseorang pegawai, kakitangan, pekerja atau wakil IPG daripada menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab rasminya.

3.2.18 Berhutang/Membuat pinjaman

Pelajar dilarang berada dalam keadaan keberhutangan yang serius.

3.2.19 Kebersihan dalam kampus

Pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjaskankan kebersihan dan kekemasan kawasan kampus.

PERKARA4: PENAMPILAN DIRI

- 4.1 Pelajar perlu menunjukkan personaliti dan penampilan diri yang baik dan menghayati Budaya IPG yang sesuai dengan profesion keguruan.
- 4.2 Pekeling Kementerian Pendidikan Bil.KP.9567/Jld.2/(11) bertarikh 20 September 1985 (Peraturan Pakaian Guru Pelatih Maktab-Maktab Perguruan Malaysia) dan Garis Panduan Pakaian Guru ketika Bertugas di Sekolah Bil. 7/2001 adalah dirujuk;

4.3 Pakaian

4.3.1 Pakaian semasa menghadiri kuliah

4.3.1.1 Pelajar lelaki:

(a) hendaklah memakai baju kemeja berlengan panjang,

bertali leher, berseluar panjang (*slack*) dengan bertali pinggang dan berkasut kulit warna gelap serta berstoking. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar. Lengan baju hendaklah dibutangkan dan tidak boleh dilipat ke atas.

4.3.1.2 Pelajar perempuan:

- (a) Sebarang jenis pakaian yang tidak mendedahkan mana-mana bahagian anggota dari paras bawah leher hingga ke paras bawah lutut, berkain dalam dan berkasut (*court shoes*) ketinggian tumit tidak melebihi 1.5 inci (3.75 sm);
- (b) Pelajar perempuan Islam digalakkan memakai pakaian yang menutup aurat dan bercirikan wanita muslimah; dan
- (c) Pelajar dilarang memakai penutup muka/purdah.

4.3.2 Pakaian Semasa Menghadiri Aktiviti Kokurikulum

4.3.2.1 Kokurikulum Unit Beruniform

- (a) Pelajar dikehendaki memakai pakaian seragam atau kemeja-T dan seluar yang ditetapkan.

4.3.2.2 Kokurikulum Kelab dan Persatuan

- (a) Pelajar dikehendaki memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.

4.3.2.3 Kokurikulum sukan dan permainan

- (a) Pelajar dikehendaki memakai pakaian yang sesuai.
- (b) Pelajar perempuan Islam dikehendaki memakai *track bottom* dan kemeja-T berlengan panjang dan berkolar serta bertudung.

4.3.3 Pakaian semasa menghadiri majlis rasmi/lawatan ke luar IPG
Pelajar hendaklah berpakaian rasmi sebagaimana semasa menghadiri kuliah atau pakaian yang ditentukan untuk sesuatu majlis yang dihadiri/lawatan yang diikuti;

4.3.4 Pakaian khas seperti batik dan blazer boleh dipakai pada hari tertentu

yang ditetapkan oleh IPG;

- 4.3.5 Pelajar lelaki Islam digalakkan memakai sut Baju Melayu lengkap bersongkok (hitam tanpa lilitan) dan bersamping pada hari Jumaat;
- 4.3.6 Pelajar dikehendaki memakai pakaian lengkap unit beruniform masing-masing pada hari yang ditentukan oleh IPG; dan
- 4.3.7 Sebarang pengecualian dan pelepasan terhadap peraturan pakaian ini adalah tertakluk kepada surat-surat pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia/IPG mengenainya dari semasa ke semasa.

4.4 Potongan Rambut, Misai, Janggut dan Jambang

- 4.4.1 Potongan rambut pelajar perlu kemas dan sesuai dengan profesion keguruan;
- 4.4.2 Rambut hendaklah disikat rapi;
- 4.4.3 Pelajar dilarang mewarnakan rambut;
- 4.4.4 Pelajar lelaki dilarang berambut panjang:
 - 4.4.4.1 melepassi kolar baju;
 - 4.4.4.2 menutup garisan tengah dahi; dan
 - 4.4.4.3 menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan jambang melebihi paras anak telinga.
- 4.4.5 Pelajar lelaki dilarang membotaikan kepala;
- 4.4.6 Pelajar perempuan yang berambut panjang dikehendaki mengikat atau menguruskannya supaya kelihatan kemas. Ikatan dandan *plait* atau *pony tail* dibenarkan;
- 4.4.7 Pelajar yang beragama Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai turban; dan
- 4.4.8 Pelajar yang bermisai, berjanggut dan berjambang hendaklah sentiasa diurus dengan kemas.

4.5 Kuku

Pelajar dilarang menyimpan kuku panjang atau menghiasinya dengan apa-juga cara.

PERKARA 5: KAD MATRIK PELAJAR DAN TANDA NAMA

- 5.1 Pelajar dikehendaki pada setiap masa membawa dan mempamer kad matrik semasa berada di dalam kampus IPG atau menghadiri aktiviti rasmi di luar kampus IPG.
- 5.2 Pelajar dikehendaki pada setiap masa memakai tanda nama yang ditetapkan oleh pihak IPG semasa menghadiri kuliah dan majlis rasmi di dalam atau di luar IPG.
- 5.3 Pelajar dikehendaki membawa atau memakai kad matrik dan tanda nama semasa menghadiri aktiviti kokurikulum kecuali semasa di padang atau di gelanggang permainan atau aktiviti air.

PERKARA 6: PENCERAMAH LUAR

- 6.1 Pelajar yang bercadang mengundang penceramah luar untuk memberi ceramah/syarahan di IPG hendaklah mengikut peraturan seperti yang berikut:
 - 6.1.1 Penceramah yang diundang hendaklah terdiri daripada kakitangan awam/swasta atau individu yang bertauliah/diiktiraf oleh kerajaan.
 - 6.1.2 Tajuk dan isi ceramah/syarahan hendaklah:
 - 6.1.2.1 perkara-perkara yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kurikulum dan kokurikulum;
 - 6.1.2.2 tidak bercanggah dengan undang-undang negara dan peraturan IPG; dan
 - 6.1.2.3 tidak menyentuh isu-isu sensitif sesuatu pihak, kaum, budaya dan agama.
 - 6.1.3 Kebenaran daripada Pengarah hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum penceramah dari luar dijemput memberi ceramah/syarahan di IPG;
 - 6.1.4 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tidak lewat dari tempoh satu bulan sebelum tarikh ceramah/syarahan diadakan;
 - 6.1.5 Bahan-bahan ceramah/syarahan yang hendak diedarkan kepada pelajar perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Pengarah; dan
 - 6.1.6 Setiap ceramah/syarahan hendaklah didokumentasikan bagi tujuan rujukan dan rekod.

PERKARA 7: MENGHADIRI AKTIVITI ANJURAN AGENSI LUAR

Pelajar dibenarkan mengikuti aktiviti yang ada kaitan dengan profesion keguruan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

PERKARA 8: PENGANJURAN AKTIVITI OLEH PELAJAR

- 8.1 Pelajar boleh mengadakan atau menganjurkan apa-apa aktiviti dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 8.2 Aktiviti yang dianjurkan mestilah mematuhi garis panduan/prosedur yang ditetapkan oleh IPG dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- 8.3 Semua jenis aktiviti yang dikelolakan oleh pelajar pada waktu malam mesti ditamatkan tidak lewat dari pukul 10.30 malam. Aktiviti yang melewati masa tersebut perlu mendapat kebenaran khas daripada Pengarah.

PERKARA 9: PENGGUNAAN MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK

- 9.1 Pelajar dilarang menulis, mencetak, merakam, menyimpan, mengedara, mendengar, menonton, menayang, dan memperdengarkan sebarang media cetak/media elektronik/bahan-bahan lain yang:
 - 9.1.1 berunsur lucah, hasutan dan fitnah yang boleh mencemarkan nama baik IPG atau individu; dan
 - 9.1.2 menyalahi arahan Pengarah, peraturan atau undang-undang Malaysia yang masih berkuat kuasa.
- 9.2 Pelajar yang hendak mengedara, mempamerkan, mempertontonkan ataupun memperdengarkan apa-apa bahan penerbitan media cetak dan media elektronik/digital perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 9.3 Pelajar tidak boleh menggunakan kepala surat rasmi IPG bagi sebarang tujuan surat menyurat.
- 9.4 Pelajar yang hendak menggunakan nama dan logo IPG dalam media cetak dan media elektronik perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

PERKARA 10: LAWATAN KE LUAR NEGARA

- 10.1 Lawatan ke luar negara secara persendirian atau berkumpulan (bukan atas urusan rasmi IPG):
 - 10.1.1 Pelajar yang bercadang untuk membuat lawatan ke luar negara hendaklah memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah.
 - 10.1.2 Permohonan lawatan ke luar negara hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tiga (3) bulan sebelum tarikh lawatan.
 - 10.1.3 Lawatan hanya boleh diadakan pada luar waktu interaksi kuliah.
 - 10.1.4 Lawatan hanya boleh diadakan jika pelajar tidak terlibat dengan aktiviti rasmi IPG.
 - 10.1.5 Sebarang kesulitan semasa lawatan adalah atas tanggungjawab pelajar sendiri.

PERKARA 11: BERKAHWIN SEMASA PENGAJIAN

- 11.1 Pelajar tidak boleh berkahwin semasa berkursus kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 11.2 Permohonan berkahwin hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tiga (3) bulan sebelum tarikh perkahwinan.
- 11.3 Semua urusan perkahwinan perlu mematuhi undang-undang perkahwinan yang diguna pakai di Malaysia.

PERKARA 12: MENGANDUNG SEMASA PENGAJIAN

- 12.1 Pelajar yang mengandung semasa pengajian mesti melaporkan kepada pihak IPG dengan serta merta.
- 12.2 Pelajar yang disahkan mengandung mesti menangguhkan pengajian.
- 12.3 Pelajar yang mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah akan dikenakan tindakan Akta 174 (Bahagian II Tatatertib Am Seksyen 3 (a) dan (b)) dan dibaca bersama dengan Surat Tawaran.

**PERKARA 13: KEHADIRAN KULIAH, TUTORIAL, KOKURIKULUM,
PROGRAM AMALAN PROFESIONAL (PRAKTIKUM),
PROGRAM BERASASKAN SEKOLAH DAN
AKTIVITI RASMI IPG**

- 13.1 Pelajar diwajibkan hadir ke kuliah, tutorial, kokurikulum, praktikum, program berasaskan sekolah dan aktiviti rasmi IPG.
- 13.2 Pelajar wajib menepati masa ketika menghadiri kuliah, tutorial, kokurikulum, praktikum, program berasaskan sekolah dan aktiviti rasmi IPG.
- 13.3 Pelajar yang hadir lewat melebihi 15 minit daripada bermulanya sesuatu kuliah, tutorial dan kokurikulum tanpa alasan yang munasabah, akan dikira tidak hadir dalam jam berkenaan.
- 13.4 Pelajar yang tidak hadir kerana sakit hendaklah mengemukakan surat cuti sakit daripada hospital/klinik kerajaan/swasta atau mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 13.5 Pelajar yang mengemukakan sijil cuti sakit daripada klinik swasta tiga hari atau lebih, mesti mendapatkan pengesahan daripada hospital/klinik kerajaan.
- 13.6 Pelajar bukan menetap wajib menepati masa ketika menghadiri kuliah, tutorial, kokurikulum, praktikum, program berasaskan sekolah dan aktiviti rasmi IPG.

**PERKARA 14: PENGECAULIAN KULIAH, TUTORIAL, KOKURIKULUM DAN
AKTIVITI RASMI IPG**

- 14.1 Pelajar boleh diberi pengecualian kuliah, tutorial, kokurikulum dan aktiviti rasmi IPG sekiranya mendapat arahan rasmi atau kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.
- 14.2 Pelajar boleh dipertimbangkan untuk diberikan pengecualian kuliah, tutorial, kokurikulum dan aktiviti rasmi IPG atas sebab-sebab yang berikut:
 - 14.2.1 Menduduki peperiksaan awam yang dibenarkan;
 - 14.2.2 Diarahkan oleh pihak mahkamah untuk menghadiri perbicaraan;
 - 14.2.3 Menziarahi keluarga terdekat yang sakit tenat/meninggal dunia;
 - 14.2.4 Wabak penyakit, bencana alam atau kebakaran;
 - 14.2.5 Aktiviti rasmi yang diarahkan oleh KPM/IPGM/IPG;

- 14.2.6 Sebab-sebab lain dengan kebenaran khas Pengarah.
- 14.3 Pelajar bukan menetap hendaklah menghubungi pihak IPG dengan segera sekiranya tidak dapat hadir kuliah atau aktiviti rasmi.

PERKARA 15: PEPERIKSAAN

- 15.1 Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan selain peperiksaan yang bersabit dengan kursusnya atau peperiksaan-peperiksaan lain yang dipersetujui atau ditetapkan oleh IPGM/kerajaan.
- 15.2 Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.

PERKARA 16: PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

- 16.1 Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan penggunaan perpustakaan yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN C: KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN

PERKARA 17: PERATURAN KELUAR MASUK KAMPUS IPG

- 17.1 Pelajar mesti mematuhi peraturan keluar masuk kampus IPG.
- 17.2 Pelajar dikehendaki menggunakan pintu pagar keluar masuk yang ditentukan oleh pihak IPG. Pintu pagar ditutup pada pukul 11.00 malam.
- 17.3 Pelajar tidak dibenarkan keluar masuk atau meninggalkan kawasan kampus IPG sepanjang waktu interaksi kuliah dan kokurikulum.

PERKARA 18: KAWALAN KESELAMATAN

- 18.1 Pelajar mesti mematuhi arahan mana-mana kakitangan atau pihak yang menguatkuasakan peraturan keselamatan IPG.
- 18.2 Pelajar atau pelawat dikehendaki menunjukkan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan, kad matrik ataupun lesen memandu apabila diminta oleh mana-mana kakitangan yang diberikan kuasa oleh Pengarah.

PERKARA 19: RAWATAN PERUBATAN

- 19.1 Pelajar yang memerlukan rawatan perubatan hendaklah ke hospital atau klinik kerajaan.
- 19.2 Pelajar yang memerlukan rawatan semasa waktu pejabat hendaklah melaporkan diri di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- 19.3 Pelajar yang tinggal di kolej kediaman yang memerlukan rawatan selepas waktu pejabat hendaklah melaporkan kepada warden.
- 19.4 Pelajar perlu mengisi borang rawatan dan menyerahkan keratan slip akuan rawatan/sijil cuti sakit kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar selepas menerima rawatan.
- 19.5 Pelajar boleh mendapatkan rawatan di hospital/klinik swasta atas perbelanjaan sendiri dan sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh hospital/klinik berkenaan yang melebihi dua hari berturut-turut perlu disahkan oleh doktor kerajaan.

PERKARA 20: PENGGUNAAN BANGUNAN, KAWASAN DAN PERALATAN

- 20.1 Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang dikuatkuasakan ketika menggunakan kemudahan dan peralatan bilik kuliah, pusat sumber, makmal, bengkel, gimnasium dan bilik-bilik khas yang lain.
- 20.2 Pelajar yang hendak menggunakan kemudahan bilik kuliah, pusat sumber, makmal, bengkel, gimnasium dan bilik-bilik khas yang lain, kawasan, dan peralatan pada masa dan selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu, cuti semester dan cuti am hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 20.3 Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan dengan mengisi borang khas di pejabat pentadbiran. Permohonan hendaklah diserahkan kepada pegawai berkenaan lima (5) hari bekerja sebelum program dilaksanakan.
- 20.4 Pelajar dilarang membawa atau membenarkan orang luar menggunakan bangunan, kawasan dan peralatan di IPG kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 20.5 Pelajar dilarang untuk memindah, mengubahsuai, mengalih sebarang bahan, perkakas, alat atau sebagainya dari mana-mana bilik atau kawasan yang digunakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 20.6 Pelajar bertanggungjawab menjaga keselamatan, kebersihan dan kekemasan bangunan, kawasan dan peralatan yang digunakan.

PERKARA 21: LAWATAN PIHAK LUAR

- 21.1 Pelajar yang mengurus atau menerima lawatan daripada pihak luar mesti merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah.

PERKARA 22: LAWATAN TETAMU

- 22.1 Pelajar hendaklah menerima dan melayan tetamu di tempat yang ditetapkan sahaja. Tetamu tidak dibenarkan memasuki mana-mana kawasan blok kampus IPG atau kolej kediaman kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 22.2 Pelajar bertanggungjawab memaklumkan kepada tetamu supaya meletakkan kenderaan di lot parkir yang disediakan.
- 22.3 Pelajar bertanggungjawab terhadap perlakuan tetamu mereka dan segala peraturan IPG dipatuhi sepenuhnya.

BAHAGIAN D : LALU LINTAS

PERKARA 23: PENGGUNAAN KENDERAAN IPG

- 23.1 Pelajar yang hendak menggunakan perkhidmatan kenderaan IPG hendaklah memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah melalui pensyarah penasihat 14 hari bekerja sebelum program dilaksanakan.
- 23.2 Pengarah berhak membatalkan kelulusan penggunaan perkhidmatan kenderaan.

PERKARA 24: TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

- 24.1 Semasa di kampus IPG, pelajar tertakluk kepada peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua perundungan kecil yang dibuat di bawahnya serta peraturan yang terdapat dalam Jadual Kedua, Bahagian IV, Kaedah 35 - 47, Akta 174 Tatatertib Lalu Lintas Jalan.
- 24.2 Pelajar yang hendak membawa, mengguna atau menyimpan apa-apa kenderaan bermotor persendirian di kampus IPG hendaklah:
 - 24.2.1 memiliki lesen memandu, kad pendaftaran dan polisi insurans kenderaan yang sah;
 - 24.2.2 mengemukakan surat kebenaran menggunakan kenderaan daripada pemilik sah jika kenderaan bukan milik sendiri;
 - 24.2.3 memohon dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah; dan
 - 24.2.4 melekatkan stiker rasmi IPG yang sah untuk tahun berkenaan.
- 24.3 Pelajar hendaklah mematuhi peraturan had laju kenderaan bermotor yang ditetapkan di dalam kampus IPG.
- 24.4 Pelajar mesti memandu kenderaan bermotor di atas laluan/jalan kenderaan bermotor sahaja.
- 24.5 Pelajar dilarang melakukan sebarang pengubahsuaian pada kenderaan mereka yang boleh menghasilkan bunyi atau sebagainya yang mengganggu ketenteraman di dalam kampus IPG.
- 24.6 Pelajar tidak boleh meletakkan sebarang kenderaan bermotor di mana-mana tempat atau apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada laluan pihak lain.

- 24.7 Pelajar hanya dibenarkan memarkir kenderaan di tempat yang telah ditetapkan. Kenderaan hendaklah disusun atur dengan baik dan kemas.
- 24.8 Pelajar yang menunggang sesebuah motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang pembonceng.
- 24.9 Pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa juga cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran lalu lintas atau boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain di dalam kampus IPG.
- 24.10 Pelajar yang terlibat dalam kemalangan jalan raya yang berlaku di dalam kampus IPG hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Pengarah.
- 24.11 Pelajar yang menggunakan kenderaan tidak bermotor (basikal) adalah tertakluk pada peraturan perkara 24.4, 24.6 , 24.7, 24.9 , 2.10 , dan 2.12.
- 24.12 Pengarah berhak membatalkan kelulusan kebenaran membawa kenderaan di dalam kampus IPG.

BAHAGIAN E: PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

PERKARA 25: PERATURAN AM KOLEJ KEDIAMAN

- 25.1 Semua pelajar yang mendaftar di IPG diwajibkan tinggal menetap di kolej kediaman seperti yang diarahkan oleh Pengarah.
- 25.2 Tiada sesiapa pun boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh pelajar menetap kecuali:
 - 25.2.1 pelajar menetap itu sendiri;
 - 25.2.2 kakitangan atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas; dan
 - 25.2.3 pelajar menetap lain daripada jantina yang sama untuk tujuan sosial yang biasa.
- 25.3 Pelajar menetap bertanggungjawab untuk memastikan supaya sekatan-sekatan dalam Perkara 25.2 dipatuhi.
- 25.4 Pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang pegawai, kakitangan, pekerja atau wakil IPG memasuki bilik pelajar menetap untuk menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di bilik itu.
- 25.5 Pelajar menetap tidak boleh berada di luar blok kediaman selepas pukul 11.00 malam kecuali dengan kebenaran Ketua Warden.
- 25.6 Pelajar bukan menetap tidak boleh berada di kolej kediaman selepas pukul 11.00 malam kecuali dengan kebenaran Ketua Warden.
- 25.7 Pelajar menetap hendaklah menggunakan premis kediaman dengan cermat dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian taman, landskap, bangunan atau kelengkapan di dalamnya.
- 25.8 Pelajar menetap hendaklah menggunakan premis kediaman dan kemudahan lain dengan berhemah agar tidak membawa apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau gangguan kepada orang lain.
- 25.9 Pelajar menetap dibenarkan tinggal di sesuatu kediaman mengikut budi bicara dan kuasa mutlak pihak IPG. Pihak IPG boleh mengarahkan pelajar menetap mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.

- 25.10 Pelajar menetap yang dikehendaki mengosongkan atau berpindah dari tempat tinggalnya, hendaklah berbuat demikian dan dalam tempoh itu mengeluarkan semua barang kepunyaannya serta membersihkan bilik dan memastikan kemudahan asas dalam keadaan baik.
- 25.11 Pelajar menetap mestilah bertanggungjawab menjaga keselamatan diri dan barang kepunyaannya sepanjang masa di kolej kediaman.
- 25.12 Pengarah atau Ketua Warden atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau secara bertulis apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu untuk memelihara ketenteraman dan tatateribit di kolej kediaman.
- 25.13 Pengawal keselamatan yang menjalankan tugas di IPG bertanggungjawab membantu menguatkuasakan hal-hal keselamatan dan peraturan kolej kediaman.

PERKARA 26: PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

- 26.1 Pelajar bukan menetap yang ingin tinggal di kolej kediaman hendaklah membuat permohonan melalui borang yang disediakan dan mendapatkan kelulusan Pengarah secara bertulis.
- 26.2 Pelajar mesti mendaftarkan diri sebagai pelajar menetap di kolej kediaman.
- 26.3 Pihak pengurusan kolej kediaman berhak membuat pemilihan dan penempatan pelajar di kolej kediaman.

PERKARA 27: INVENTORI BILIK KEDIAMAN

- 27.1 Pelajar menetap dikehendaki melengkapkan borang pengesahan inventori bilik kediaman dan menyerahkan kepada pihak pengurusan kolej kediaman pada hari pendaftaran.
- 27.2 Pelajar menetap dikehendaki memastikan dan mengesahkan bilangan semua alatan sama seperti yang tercatat dalam borang inventori bilik. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan atau ketiadaan alat hendaklah dilaporkan segera kepada pihak pengurusan kolej kediaman.
- 27.3 Pelajar menetap yang akan mengosongkan bilik kediaman bertanggungjawab memastikan inventori yang disediakan dalam keadaan bersih dan sempurna sebelum menyerahkan kunci bilik kepada pihak pengurusan kolej kediaman.

- 27.4 Pelajar menetap dikehendaki memberi kerjasama terhadap pemeriksaan inventori yang diadakan dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan kolej kediaman.
- 27.5 Pelajar menetap dilarang mengubah atau mengalih perabot dan peralatan kediaman dari satu tempat ke satu tempat yang lain kecuali diarahkan berbuat demikian oleh pihak pengurusan kolej kediaman.

PERKARA 28: TINGKAH LAKU PELAJAR MENETAP

- 28.1 Pelajar menetap perlu menjalin hubungan baik, bekerjasama, hormat-menghormati dan bertimbang rasa terhadap seluruh warga kolej kediaman.
- 28.2 Pelajar menetap perlu menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan di kolej kediaman.
- 28.3 Pelajar menetap dilarang membuat bising dan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman warga kolej kediaman.
- 28.4 Pelajar menetap perlu mengamalkan tingkah laku dan menghayati Budaya IPG bersesuaian dengan profesion keguruan.

PERKARA 29: KAWASAN LARANGAN

- 29.1 Pelajar lelaki dilarang memasuki mana-mana kawasan kediaman pelajar perempuan dan pelajar perempuan dilarang memasuki mana-mana kawasan kediaman pelajar lelaki.
- 29.2 Pelajar dilarang memasuki bilik atau kawasan larangan yang diwartakan oleh pihak IPG.

PERKARA 30: PAKAIAN

- 30.1 Pelajar menetap hendaklah memakai pakaian yang kemas dan sopan sama ada di dalam atau di luar kolej kediaman selaras dengan Etika Pakaian Pelajar IPG.

PERKARA 31: KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN

- 31.1 Elektrik dan Air
 - 31.1.1 Pelajar menetap hendaklah memadamkan lampu bilik selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah malam kecuali mendapat

kebenaran Ketua Warden/warden.

- 31.1.2 Pelajar menetap hendaklah mematikan suis lampu, suis kipas dan suis-suis lain setiap kali meninggalkan bilik kediaman dan mana-mana bilik kemudahan di kolej kediaman.
- 31.1.3 Pelajar menetap hanya boleh menggunakan peralatan elektrik dalam bilik kediaman seperti yang berikut:
 - 31.1.3.1 komputer dan aksesori asas;
 - 31.1.3.2 pengecas bateri telefon dan kamera;
 - 31.1.3.3 radio berkuasa rendah (di bawah 100 W);
 - 31.1.3.4 ubat nyamuk elektrik.
- 31.1.4 Pelajar menetap hanya dibenarkan menggunakan cerek dan seterika elektrik yang disediakan di bilik khas kolej kediaman.
- 31.1.5 Pelajar menetap hanya dibenarkan menonton televisyen yang disediakan di bilik rehat kolej kediaman.
- 31.1.6 Pelajar menetap ditegah sama sekali membuat sambungan elektrik di dalam bilik kediaman masing-masing dan di mana-mana bahagian kolej kediaman.
- 31.1.7 Pelajar menetap tidak boleh membazirkan air dan elektrik.

PERKARA 32: BARANG-BARANG MILIK PERSENDIRIAN

- 32.1 Pelajar menetap hendaklah bertanggungjawab atas keselamatan barang-barang persendirian.
- 32.2 Pelajar menetap hendaklah menyidai atau menjemur segala pakaian yang basah di tempat yang ditetapkan.

PERKARA 33: AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN

- 33.1 Pelajar menetap yang menganjurkan atau mengendalikan sebarang aktiviti di kolej kediaman termasuk mesyuarat hendaklah mendapat kebenaran daripada warden blok atau warden bertugas.
- 33.2 Pelajar menetap dimestikan mengambil bahagian dalam semua aktiviti kolej

kediaman yang telah ditetapkan.

- 33.3 Pelajar menetap yang beragama Islam dikehendaki ke masjid atau surau untuk solat berjemaah, program usrah, majlis-majlis ilmu dan majlis-majlis khas keagamaan, manakala pelajar menetap bukan beragama Islam dikehendaki hadir untuk aktiviti moral.

PERKARA 34: URUSAN BILIK KEDIAMAN

34.1 Penjagaan kebersihan:

- 34.1.1 Pelajar menetap dikehendaki menjaga kebersihan, kekemasan dan keceriaan bilik kediaman serta bilik-bilik kemudahan yang lain.
- 34.1.2 Pelajar menetap hendaklah membuang sampah di tempat khas yang disediakan.
- 34.1.3 Pelajar menetap dikehendaki menyusun semua kasut dan selipar di tempat yang disediakan.
- 34.1.4 Pelajar menetap dikehendaki membawa dan memasang kain cadar dan sarung bantal masing-masing.

- 34.2 Pelajar menetap dikehendaki menggunakan perabot dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan dengan baik dan cermat.
- 34.3 Pelajar menetap tidak dibenarkan menconteng, mengecat, memaku atau menampal kertas atau gambar pada mana-mana bahagian bilik.
- 34.4 Pelajar menetap hendaklah menginap di bilik yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan kolej kediaman. Sebarang pertukaran tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Ketua Warden/Penolong Pengurus Asrama.
- 34.5 Pelajar menetap tidak dibenarkan menumpang tidur di bilik kediaman lain atau memberi pelajar lain menumpang tidur di bilik kediamannya.
- 34.6 Pelajar menetap tidak dibenarkan menggunakan lampu minyak, lilit, lingkaran ubat nyamuk, setanggi, kemenyan, colok atau alat/benda yang boleh menyebabkan kekotoran dan kebakaran. Pelajar hanya boleh menggunakan lampu suluh atau lampu kecemasan sahaja.
- 34.7 Pelajar menetap tidak dibenarkan memasak dengan menggunakan apa-apa jua kaedah di dalam bilik kediaman.

PERKARA 35: MENERIMA TETAMU

- 35.1 Pelajar menetap yang menerima tetamu hendaklah menemui mereka di tempat yang dikhaskan. Tetamu tidak dibenarkan memasuki mana-mana bahagian lain di kolej kediaman dan hendaklah meninggalkan kawasan kolej kediaman sebelum pukul 6.00 petang.
- 35.2 Pelajar menetap bertanggungjawab memastikan tetamu mereka mematuhi peraturan kolej kediaman dan bertatasusila dari segi kelakuan, pakaian dan tutur kata semasa berada di dalam kawasan kolej kediaman.
- 35.3 Pelajar menetap hanya dibenarkan menerima tetamu pada cuti hujung minggu dan cuti umum dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang.

PERKARA 36: URUSAN RAWATAN PELAJAR

- 36.1 Pelajar menetap yang sakit dan memerlukan rawatan pada luar waktu pejabat atau waktu cuti hendaklah melaporkan kepada warden bertugas.
- 36.2 Pelajar menetap perlu membawa Surat Akuan Rawatan dan hendaklah menyerahkan kembali keratan surat yang telah disahkan oleh pegawai perubatan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

PERKARA 37: LARANGAN-LARANGAN SALAH LAKU

- 37.1 Semua jenis objek penyembahan atau pemujaan sama ada dalam bentuk patung atau gambar dilarang sama sekali diletakkan atau dilekatkan atau digantungkan di dalam atau di luar bilik kediaman bagi apa-apa jua tujuan.
- 37.2 Pelajar menetap dilarang merokok di mana-mana bahagian atau kawasan kolej kediaman.
- 37.3 Pelajar menetap dilarang memelihara apa-apa jenis haiwan di dalam bilik atau di mana-mana bahagian atau kawasan kolej kediaman.
- 37.4 Pelajar menetap yang tidak berpuas hati terhadap penghuni lain, tidak boleh bertindak bersendirian sebaliknya hendaklah melaporkan kepada warden.
- 37.5 Pelajar menetap tidak dibenarkan membuat kunci pendua dan memasang kunci tambahan pada pintu bilik, laci dan almari.
- 37.6 Pelajar menetap dilarang menyimpan atau membawa atau memiliki bahan-bahan yang mudah terbakar seperti petrol, bahan kimia, mercun, bunga api, bahan peledak dan bahan-bahan lain di dalam bilik atau di mana-mana

bahagian atau kawasan kolej kediaman.

- 37.7 Pelajar menetap dilarang memiliki, membawa, menyimpan atau memakan makanan yang mengandungi daging babi di dalam bilik kediaman atau di mana-mana bahagian atau kawasan kolej kediaman.
- 37.8 Pelajar menetap dilarang membawa atau memakan sebarang jenis buah-buahan yang mengeluarkan getah atau bau yang boleh menjadkan kebersihan dan mengganggu keselesaan penghuni kolej kediaman.

PERKARA 38: KES-KES KESELAMATAN DAN KEROSAKAN

- 38.1 Pelajar menetap hendaklah melaporkan dengan segera sebarang kejadian seperti kecurian, percaduhan, pencerobohan, aktiviti yang tidak sihat dan lain-lain kepada pihak pengurusan kolej kediaman.
- 38.2 Pelajar menetap hendaklah melaporkan dengan segera sebarang kerrosakan kemudahan di kolej kediaman kepada pihak pengurusan kolej kediaman.

PERKARA 39: KELUAR MASUK HARIAN DAN MENGINAP DI LUAR KOLEJ KEDIAMAN

- 39.1 Pelajar menetap dikehendaki mematuhi peraturan keluar masuk IPG.
- 39.2 Pelajar menetap hendaklah memaklumkan kepada warden dengan segera sekiranya tidak dapat balik ke kolej kediaman pada waktu yang ditetapkan.
- 39.3 Pelajar menetap yang hendak bermalam di luar kolej kediaman hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Warden.

BAHAGIAN F: PERATURAN BAGI PELAJAR YANG TINGGAL DI PREMIS LUAR KOLEJ KEDIAMAN

PERKARA 40: PERATURAN AM

- 40.1 Pelajar bukan menetap dilarang tinggal atau berkongsi satu unit rumah atau bilik dengan pelajar yang berlainan jantina.
- 40.2 Pelajar bukan menetap dilarang menggunakan kemudahan-kemudahan di kolej kediaman IPG kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 40.3 Pelajar bukan menetap dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada pihak IPG alamat tempat tinggal yang lengkap, nama pemilik premis dan nombor telefon.
- 40.4 Pelajar bukan menetap dikehendaki memberitahu maklumat seperti Perkara 40.3 kepada pihak IPG secara bertulis setiap kali berpindah premis.

PERKARA 41: TATATERTIB DAN DISIPLIN

- 41.1 Pelajar bukan menetap dikehendaki sentiasa berkelakuan baik untuk menjaga maruah dan nama baik pelajar sendiri serta nama IPG.
- 41.2 Pelajar bukan menetap hendaklah sentiasa mengamalkan sikap bertimbang rasa, bekerjasama, hormat-menghormati dan menjalankan semangat kejiranan.
- 41.3 Pelajar bukan menetap hendaklah memastikan bahagian luar dan dalam premis kediaman sentiasa dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa.
- 41.4 Pelajar bukan menetap dilarang berjudi dengan apa-apa cara sekali pun; meminum minuman yang memabukkan; menyalahgunakan dadah; memiliki, menyimpan, mengedarkan minuman yang memabukkan dan dadah; serta menghidu gam dan sebagainya.
- 41.5 Pelajar bukan menetap dilarang membawa masuk atau menerima tetamu berlainan jantina ke dalam premis kediaman yang dihuni secara berkumpulan.
- 41.6 Pelajar bukan menetap mesti menjelaskan bayaran sewa rumah/bilik kediaman dan bil-bil lain yang berkaitan. Pihak IPG tidak akan bertanggungjawab atas keber hutangan pelajar bukan menetap.
- 41.7 Pelajar bukan menetap dilarang mengunjungi pusat hiburan/tempat-tempat yang boleh menjelaskan imej dan nama baik IPG dan profesi keguruan.
- 41.8 Pelajar bukan menetap hendaklah mematuhi arahan Pengarah dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN G: PERATURAN KAFETERIA/KANTIN

PERKARA 42: ETIKA DAN PAKAIAN SEMASA DI KAFETERIA/KANTIN

- 42.1 Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih, sopan dan menutup aurat di kafeteria/kantin.
- 42.2 Pelajar tidak boleh menunjukkan perlakuan tidak sopan.

PERKARA 43: PENGGUNAAN KAFETERIA/KANTIN UNTUK SESUATU AKTIVITI

- 43.1 Mana-mana persatuan, kelab, kumpulan dan pihak-pihak lain di dalam atau di luar IPG yang hendak menggunakan kafeteria/kantin sebagai tempat untuk menjalankan sesuatu aktiviti hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pengusaha kafeteria melalui Pengarah.
- 43.2 Pelajar yang telah menggunakan kafeteria/kantin hendaklah membersihkan dewan dan menyusun semula semua perabot seperti kedudukan asalnya.

BAHAGIAN H : TINDAKAN TATATERTIB

PERKARA 44: HUKUMAN

44.1 Pelajar yang didapati melanggar Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru dan peraturan-peraturan lain IPG akan diambil tindakan seperti berikut:

44.1.1 Tindakan Pentadbiran

Hukuman terhadap sabitan kesalahan yang tidak dibicarakan.

44.1.1.1 Amaran lisan;

44.1.1.2 Amaran bertulis; dan/atau

44.1.1.3 Menjalani kerja-kerja sosial.

44.1.1.3 Denda

44.1.2 Dirujuk kepada Unit Kaunseling.

44.1.3 Hukuman mengikut kaedah 48, Jadual Kedua Akta 174

44.1.3.1 Amaran;

44.1.3.2 Denda tidak lebih daripada RM500.00 (Lima Ratus Ringgit);

44.1.3.3 Penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan institusi selama tempoh yang ditentukan;

44.1.3.4 Penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di institusi selama tempoh yang ditentukan;

44.1.3.5 Halangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di institusi;

44.1.3.6 Ketakmasukan daripada mana-mana bahagian institusi selama tempoh yang ditentukan; dan/atau

44.1.3.7 Pembuangan daripada institusi.

44.2 Sabitan kesalahan boleh daftar

44.2.1 Pelajar yang dikenakan pertuduhan jenayah boleh digantung

pengajian (Akta 174: subseksyen 14 (1) pindaan 2010).

- 44.2.2 Pelajar yang disabitkan bersalah oleh mana-mana mahkamah boleh dikenakan tindakan tatatertib (Akta 174: Seksyen 14 (2) pindaan 2010).
- 44.2.3 Pelajar yang ditahan atau yang tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan-sekatan atasnya, bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib (Akta 174: Seksyen 14 (3) dan (4) pindaan 2010).

45.3 Kesalahan lalu lintas

- 45.3.1 Pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan ini boleh dikenakan hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib iaitu amaran atau denda tidak melebihi RM100.00 (seratus ringgit).

PERKARA 45: JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB PELAJAR

- 46.1 Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar terdiri daripada tiga orang anggota yang dilantik oleh Menteri iaitu Rektor, Timbalan Rektor dan Pengarah Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar (Akta 174: Subseksyen 5(5) dan(6)).

PERKARA 46: AM

- 47.1 Sebarang pindaan dan tambahan terhadap peraturan ini akan diedarkan dalam bentuk helai-cerai dan hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada peraturan ini.

PANEL PEMURNI PERATURAN PELAJAR IPG

Penasihat

1. PN. DARAWISAH BINTI SAYUTI
Mantan Pengarah
Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar
IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia
2. PN. LATIFAH BINTI MAHAMUD
Pengarah
Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar
IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia

Penyelaras

1. Y. BHG. DATIN SALBIAH BINTI ABDUL AZIZ
IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia
2. EN ZAIMUDDIN BIN HJ. HUSSIEN
IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia
3. PN. HJH. KAMSIAH BINTI AB. RASHID
IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia

Penulis

1. TN. HJ. YAACOB BIN ISMAIL
IPG Kampus Keningau, Sabah
2. EN. AHMAD SUKRI BIN MUSTAFFA
IPG Kampus Darulaman, Kedah
3. EN. MOHD SHUKOR BIN ABAS
IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak
4. EN. ELIAS BIN TALIB
IPG Kampus Perlis, Perlis
5. EN. MUAAZ BIN MUHAMMAD
IPG Kampus Pendidikan Teknik, Kuala Lumpur
6. EN. ABD. KHABIR B. MAT DAHANG
IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan
7. PN. ZAMRAH BINTI BONGSU
IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
8. EN. MOHAMAD TAHIR B. KAMARUZAMAN
IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur
9. EN. MAZLAN BIN NGAH
IPG Kampus Keningau, Sabah
10. EN. IBRAHIM BIN ABDOL
IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor
11. YM. TUAN ROSDAN BIN TUAN MUDA
IPG Kampus Darulaman, Kedah
12. EN. MUHSINUN NIDZAM BIN ABDULLAH
IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
13. EN. S. AHMAD SUHAIMI BIN S. MOHD SAID
IPG Kampus Ipoh, Perak

Penilai


1. EN. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAZAK
Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri, Negeri Sembilan
2. TN. HJ. MOHD SAID BIN HASRAN
Pengarah
IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu
3. EN. MOHAMED RAHMAT BIN MOHD YASIN
Pengarah
IPG Kampus Darul Aman, Kedah
4. DR. ZULMAHARI BIN MARAWI
Mantan Pengarah
IPG Kampus Sarawak, Miri
5. PN. HJH. SAADIAH BINTI BANI
Mantan Pengarah
IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah
6. DR. HJ. MOHD JOHAN BIN ZAKARIA
Timbalan Pengarah
IPG Kampus Tawau, SABAH
7. TN. HJ. SASMAN BIN HJ. YASIR
Timbalan Pengarah,
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
8. EN. RAHIM BIN ABDUL LATIFF
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
9. YM. TENGKU ADLI BIN RAJA OMAR
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pendidikan Guru

Editor

1. EN. MOHAMAD BIN HJ MUSIP
IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka
2. PN. NORLIZA BINTI ABU BAKAR
IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka

LAMPIRAN A

PERATURAN RAMBUT PELAJAR LELAKI



Rambut tidak melepas anak telinga

LAMPIRAN B

**KOD PAKAIAN PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**



Pakaian semasa menghadiri kuliah, majlis rasmi dan lawatan rasmi



Pakaian semasa
menghadiri aktiviti/
majlis tidak rasmi

Pakaian semasa
menghadiri aktiviti
kokurikulum/sukan/rekreasi

